

# Sabah, Sarawak diberi kuasa lulus projek bawah RM50j

Oleh MAISARAH SHEIKH  
RAHIM dan MOHD.  
FADHLI SULAIMAN  
utusannews@mediarnulia.com.rny

**PUTRAJAYA:** Kerajaan Persekutuan memberikan kuasa hampir sepenuhnya kepada Sabah dan Sarawak membuat keputusan bagi melaksanakan projek pembangunan di kedua-dua negeri itu yang melibatkan kos bawah RM50 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu dipersetujui oleh Kementerian Kewangan selaras dengan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang berkuat kuasa serta-merta.

“Jadi, kita putuskan dan Kementerian Kewangan juga bersetuju untuk menetapkan mana-mana projek bawah RM50 juta diserahkan hampir sepenuhnya kepada Sabah dan Sarawak.

“Ia dilaksanakan dengan me-



**ANWAR IBRAHIM**

matuhi peraturan kewangan, tetapi keputusan itu boleh dibuat di Kuching atau Kota Kinabalu tanpa dilengahkan kerana tunduk kepada peraturan lama, jadi itu kita buat keputusan segera,”

kata beliau pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Perdana Putra di sini semalam.

Menurut beliau, proses buat keputusan bagi pelaksanaan

projek di kedua-dua negeri itu dilihat memakan masa lama hanya kerana perlu melalui Kerajaan Persekutuan.

“Jadi, walaupun peruntukan besar diberikan, tetapi peruntukan itu tidak dapat dipenuhi kerana kerenah pentadbiran ikut peraturan biasa yang terpaksa merujuk kepada Persekutuan,” jelas beliau.

Sementara itu, mengulas mengenai kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR), Anwar berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) mempunyai hak dan kuasa dalam membuat keputusan tanpa perlu membatik campur tangan kerajaan bagi memastikan kestabilan ekonomi negara.

“(Perubahan berhubung) OPR adalah keputusan Bank Negara (Malaysia) dan bukan Kementerian Kewangan. Kalau nak bincang, saya boleh bincang. Tapi itu adalah ‘wenang’ (kuasa) BNM,” katanya.